

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA, SIRI 7/2025

Ekonomi Malaysia berkembang 4.5 peratus pada suku tahun kedua 2025, disokong oleh kestabilan prestasi sektor dan pasaran buruh yang berdaya tahan

PUTRAJAYA, 31 JULAI 2025 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mengeluarkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR), Siri 7/2025**. Edisi ini memberi tumpuan kepada statistik terkini yang dikeluarkan pada Mei 2025 dan beberapa statistik akan datang untuk Jun 2025. Selain itu, edisi ini turut memuatkan artikel tambahan bertajuk "Adakah Peningkatan Import Kenderaan Elektrik (EV) di Malaysia Mempengaruhi Nilainya Untuk Jangka Panjang dan Pendaftaran Kereta Tempatan?", yang mana meneliti implikasi peningkatan import kenderaan elektrik (EV), kelestarian penggunaan EV serta hubungannya dengan harga kenderaan dan pendaftaran kenderaan tempatan.

Prospek pertumbuhan global bagi tahun 2025 telah disemak semula, dengan laporan *World Economic Situation and Prospects* (WESP) menjangkakan pertumbuhan 2.4 peratus, berbanding 2.9 peratus pada tahun 2024, susulan pelarasan sebanyak 0.4 mata peratusan sejak Januari. Ketegangan perdagangan yang semakin memuncak, disebabkan oleh tindak balas antara negara, telah mengubah rantaian bekalan, meningkatkan kos dan mewujudkan ketidaktentuan, sekali gus memberi tekanan kepada ekonomi dunia. Aliran ini menunjukkan keperluan kepada daya tahan dan kebolehsuaian dalam mendepani landskap ekonomi yang semakin kompleks.

Memfokuskan kepada trajektori ekonomi Malaysia, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Anggaran awalan Malaysia menunjukkan ekonomi berkembang 4.5 peratus pada suku tahun kedua 2025, meningkat sedikit daripada 4.4 peratus pada suku tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini disokong oleh prestasi yang stabil dalam sektor Perkhidmatan dan Pembuatan, di samping peningkatan ketara dalam sektor Pembinaan dan Pertanian. Namun begitu,

sektor Perlombongan & pengkuarian kekal dalam aliran menurun. Secara suku tahunan, ekonomi pulih dengan pertumbuhan 1.0 peratus selepas penguncupan 3.5 peratus pada suku tahun pertama, menjadikan pertumbuhan separuh tahun pertama 2025 sebanyak 4.4 peratus. Angka ini mengukuhkan lagi daya tahan Malaysia dan pertumbuhannya yang berterusan ke arah pengembangan ekonomi yang mampan.”

Mengekalkan prestasinya yang stabil, sektor Pembuatan mencatatkan nilai jualan RM158.7 bilion pada Mei 2025, menunjukkan peningkatan 2.4 peratus tahun ke tahun, didorong oleh pertumbuhan kukuh dalam subsektor Makanan, minuman & tembakau (13.0%), selain sumbangan signifikan daripada Produk elektrik & elektronik (5.0%) serta Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka (3.7%). Namun begitu, secara bulanan, nilai jualan menurun 1.1 peratus daripada RM160.4 bilion pada April. Seiring dengan aliran ini, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia mencatatkan pertumbuhan marginal 0.3 peratus tahun ke tahun, dipengaruhi oleh aktiviti Pembuatan yang perlahan, manakala sektor Elektrik meningkat sedikit 0.4 peratus. Walau bagaimanapun, sektor Perlombongan terus mencatatkan penguncupan ketara 10.2 peratus. Dari sudut yang lebih positif, IPP meningkat 1.1 peratus bulan ke bulan, pulih daripada penurunan 8.0 peratus pada April, sekali gus memberi isyarat awal pemulihan dalam output perindustrian.

Melihat secara lebih menyeluruh kepada sektor Perkhidmatan Malaysia, segmen Perdagangan borong & runcit mencatatkan jumlah jualan RM154.3 bilion pada Mei 2025, menunjukkan pertumbuhan 4.4 peratus berbanding tahun sebelumnya, didorong oleh prestasi kukuh dalam subsektor Perdagangan runcit (4.9%) dan Perdagangan borong (4.7%). Selain itu, subsektor Kenderaan bermotor mencatatkan peningkatan sederhana 1.2 peratus kepada RM19.0 bilion. Secara bulan ke bulan, nilai jualan Perdagangan borong & runcit pulih kepada 1.7 peratus, disokong oleh pertumbuhan dalam semua subsektor, terutamanya subsektor Kenderaan bermotor yang melonjak 7.9 peratus.

Dari perspektif perdagangan luar negeri, jumlah dagangan Malaysia pada Mei 2025 mencatatkan peningkatan 2.6 peratus tahun ke tahun kepada RM252.5 bilion, dengan eksport menyusut 1.2 peratus kepada RM126.6 bilion, manakala import meningkat 6.6 peratus kepada RM125.9 bilion. Secara bulanan, jumlah dagangan, eksport, import dan lebihan dagangan masing-masing menyusut 3.6 peratus, 5.2 peratus, 2.0 peratus dan 85.1 peratus.

Meneruskan momentum perdagangan, prestasi dagangan Malaysia pada Jun 2025 menyusut 1.2 peratus tahun ke tahun. Import kekal dengan peningkatan sederhana, berkembang 1.2 peratus, manakala eksport merosot 3.5 peratus. Sehubungan itu, lebihan dagangan mencatatkan RM8.6 bilion, menyusut 40.1 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Dari sudut harga, dinamik harga di Malaysia pada Mei 2025 terus mencerminkan kestabilan di peringkat pengguna. Inflasi keseluruhan mereda kepada 1.2 peratus, berbanding 1.4 peratus pada April, sekali gus mencatatkan paras terendah dalam tempoh 51 bulan. Peningkatan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh kenaikan sederhana dalam beberapa kumpulan, termasuk Penjagaan diri, perlindungan sosial & pelbagai barang dan perkhidmatan (3.7%), Pendidikan (2.2%), Makanan & minuman (2.1%), serta Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (1.7%), yang kesemuanya mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan berbanding bulan sebelumnya. Secara bulanan, inflasi meningkat 0.1 peratus, mengekalkan kadar yang sama seperti pada April. Sementara itu, inflasi pada Jun 2025 meningkat lebih perlahan 1.1 peratus.

Beralih kepada harga pengeluar, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) terus menurun 3.6 peratus tahun ke tahun pada Mei, selepas mencatatkan penurunan 3.4 peratus pada April. Penurunan ini dipengaruhi terutamanya oleh penyusutan berterusan dalam sektor Perlombongan (-15.0%) dan Pembuatan (-3.0%). Sementara itu, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan mencatatkan peningkatan 1.8 peratus. Dari segi bulanan, IHPR menurun 1.1 peratus, berbanding penurunan 1.0 peratus pada April 2025. Tambahan, IHPR Malaysia terus menurun 4.2 peratus pada Jun 2025.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menekankan bahawa pasaran buruh Malaysia terus mencatatkan peningkatan pada Mei 2025, dengan jumlah guna tenaga meningkat 2.9 peratus tahun ke tahun kepada 16.86 juta orang dan naik 0.3 peratus berbanding bulan sebelumnya. Selaras dengan perkembangan positif ini, kadar pengangguran kekal pada paras 3.0 peratus, menunjukkan penurunan bilangan pengangguran 5.7 peratus secara tahunan dan susut 0.7 peratus secara bulanan. Sementara itu, bilangan tenaga buruh berkembang 2.6 peratus tahun ke tahun kepada 17.38 juta orang, manakala kadar penyertaan tenaga buruh kekal stabil pada 70.8 peratus, meningkat 0.2 mata peratus berbanding Mei 2024 dan tidak berubah berbanding April 2025.

Index Pelopor Malaysia menunjukkan unjuran ekonomi yang lebih berhati-hati dengan peningkatan marginal 0.04 peratus tahun ke tahun pada Mei 2025, mencecah 113.7 mata dan meningkat 0.1 peratus berbanding bulan sebelumnya. Meskipun arah

airan jangka panjang kekal di bawah paras 100.0 mata, prospek jangka pendek Malaysia dijangka kekal sederhana disokong oleh dasar monetari yang lebih longgar, yang berpotensi merangsang permintaan domestik dan menggalakkan pelaburan swasta di tengah-tengah ketidaktentuan global yang berterusan.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengaruhi Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
31 JULAI 2025**

Paparan 1: Indikator Ekonomi Bulanan


Indeks Pelopor

113.7 mata
MEI 2025




Kadar Pengangguran

3.0%
MEI 2025




Pengeluaran Buah Tandan Segar

1.7%
JUN 2025




Pengeluaran Getah Asli

-12.2%
MEI 2025




Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

0.3%
MEI 2025



Nilai Jualan Sektor Pembuatan

2.4%
MEI 2025




Nota:

- 1) Kadar pengangguran adalah perkadarana bilangan penganggur kepada jumlah tenaga buruh, dalam peratus.
- 2) Indikator selebihnya dinyatakan dalam peratus perubahan tahun ke tahun.


Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit

4.4%
MEI 2025



Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

4.1%
MEI 2025




Eksport

-3.5%
JUN 2025




Import

1.2%
JUN 2025



Indeks Harga Pengguna (IHP)

1.1%
JUN 2025



Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

-4.2%
JUN 2025



Nota:

- 1) Kadar pengangguran adalah perkadaran bilangan penganggur kepada jumlah tenaga buruh, dalam peratus.
- 2) Indikator selebihnya dinyatakan dalam peratus perubahan tahun ke tahun

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MALAYSIA ECONOMIC STATISTICS REVIEW, VOLUME 7/2025

Malaysia's economy expanded by 4.5 per cent in the second quarter 2025, supported by steady sectoral performances and resilient labour market

PUTRAJAYA, 31th JULY 2025 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the ***Malaysian Economic Statistics Review (MESR), Volume 7/2025***. This edition focuses on the recent statistics released in May 2025 and some forthcoming statistics for June 2025. On top of that, this edition features an additional article titled, “Does increasing EV imports in Malaysia affect its value for long-term and local car registrations?”, which highlights the implications of growing electric vehicle (EV) imports, the sustainability of EV adoption and its relationship with domestic vehicle prices and registrations.

Global growth prospects for 2025 have been recalibrated, with the World Economic Situation and Prospects (WESP) report projecting expansion at 2.4 per cent, compared to 2.9 per cent in 2024, following a 0.4 percentage point adjustment since January. Escalating trade frictions, fuelled by retaliatory measures, have reshaped supply chains, increased costs and added uncertainty, placing further pressure on the world economy. These trends underscore the need for resilience and adaptability in navigating an increasingly complex economic landscape.

Emphasising Malaysia's economic trajectory, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated, “Malaysia's advance estimates indicate that the economy expanded by 4.5 per cent in the second quarter of 2025, edging up from 4.4 per cent in the previous quarter. Growth was supported by steady performances in the Services and Manufacturing sectors, alongside notable improvements in Construction and Agriculture sectors. However, the Mining & quarrying sector remained in a declining trend. On a quarter-on-quarter basis, the economy rebounded with an 1.0 per cent

growth following a 3.5 per cent contraction in the first quarter, bringing first-half of 2025 growth to 4.4 per cent. These results reaffirm Malaysia's resilience and its steady progress towards sustainable economic expansion.

Extending its steady performance, the Manufacturing sector recorded a sales value of RM158.7 billion in May 2025, reflecting a 2.4 per cent year-on-year increase, driven by strong expansion in the Food, beverages & tobacco sub-sector (13.0%), besides solid contributions from Electrical & electronics (5.0%) and Non-metallic mineral, basic metal & fabricated metal products (3.7%). However, on a month-on-month basis, sales decline by 1.1 per cent from April's RM160.4 billion. Complementing this trend, Malaysia's Industrial Production Index (IPI) grew marginally by 0.3 per cent year-on-year, weighed down by softer Manufacturing activity, while the Electricity sector edged up 0.4 per cent. The Mining sector, however, continued to contract sharply by 10.2 per cent. On a brighter note, IPI rose 1.1 per cent month-on-month, rebounding from an 8.0 per cent drop in April, signalling early signs of recovery in industrial output.

Taking a wider view of Malaysia's Services sector, the Wholesale & retail trade segment registered total sales of RM154.3 billion in May 2025, reflecting a 4.4 per cent year-on-year growth, driven by solid performances in the Retail (4.9%) and Wholesale (4.7%) sub-sectors. Additionally, the Motor vehicles sub-sector posted a modest increase of 1.2 per cent to RM19.0 billion. Month-on-month, the sales value of Wholesale & retail trade rebounded by 1.7 per cent, supported by growth across all sub-sectors, particularly Motor vehicles, which surged by 7.9 per cent.

From the trade perspective, Malaysia's total trade in May 2025 posted a 2.6 per cent year-on-year increase to RM252.5 billion, with exports decreasing by 1.2 per cent to RM126.6 billion, while imports rose by 6.6 per cent to RM125.9 billion. Month-on-month, total trade, exports, imports and trade surplus declined by 3.6 per cent, 5.2 per cent, 2.0 per cent and 85.1 per cent, respectively.

Extending the trade momentum, Malaysia's trade performance was comparatively subdued in June 2025 with a decline of 1.2 per cent year-on-year. Imports remained a modest upward trajectory, rising by 1.2 per cent, while exports fell by 3.5 per cent. Consequently, the trade balance standing at RM8.6 billion, narrowing by 40.1 per cent compared to the same period the previous year.

From a price standpoint, Malaysia's price dynamics in May 2025 reflected continued stability at the consumer perspective. Headline inflation eased to 1.2 per cent, down from 1.4 per cent in April, marking the lowest level in 51 months. The increase was

mainly attributed to moderate rises in several groups, including Personal care, social protection & miscellaneous goods & services (3.7%), Education (2.2%), Food & beverages (2.1%), and Housing, water, electricity, gas & other fuels (1.7%), all of which recorded slower growth compared to the previous month. On a monthly basis, inflation rose by 0.1 per cent, maintaining the same pace as in April. Meanwhile, inflation in June 2025 increased slower at 1.1 per cent.

Turning to producer prices, the Producer Price Index (PPI) further declined by 3.6 per cent year-on-year in May, following a 3.4 per cent drop in April, mainly influenced by continued contractions in the Mining (-15.0%) and Manufacturing (-3.0%) sectors. Meanwhile, the Agriculture, forestry & fishing sector posted a 1.8 per cent increase. On a month-on-month basis, the PPI fell by 1.1 per cent, compared to a 1.0 per cent decrease in April 2025. Simultaneously, Malaysia's PPI down further by 4.2 per cent in June 2025.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also highlighted that Malaysia's labour market continued to improve in May 2025, with total employment rising by 2.9 per cent year-on-year to reach 16.86 million, and increasing by 0.3 per cent compared to the previous month. In line with this positive trend, the unemployment rate remained at 3.0 per cent, reflecting a 5.7 per cent decrease in the number of unemployed persons on an annual basis and a 0.7 per cent drop month-on-month. Meanwhile, the labour force expanded by 2.6 per cent year-on-year to 17.38 million, while the labour force participation rate held steady at 70.8 per cent, up 0.2 percentage points from May 2024 and unchanged from April 2025.

Malaysia's Leading Index pointed to a more cautious economic outlook with a marginal year-on-year increase of 0.04 per cent in May 2025, reaching 113.7 points and inclined 0.1 per cent as against the preceding month. Despite the long-term trend remaining below the 100.0-point threshold, Malaysia's near-term outlook is expected to stay moderate bolstered by the easing of monetary policy, which may help stimulate domestic demand and encourage private investment amid ongoing global uncertainties.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia has, for the first time, successfully recorded the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch

(ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA


DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

31st July 2025

Exhibit 1: Monthly Economic Indicator


Leading Index

113.7 point
May 2025




Unemployment Rate

3.0%
May 2025




Production of Fresh Fruit Bunches

1.7%
June 2025



Production of Natural Rubber

-12.2%
May 2025



Industrial Production Index (IPI)

0.3%
May 2025



Sales Value of Manufacturing Sector

2.4%
May 2025




Note:

1) Unemployment rate is the proportion of unemployed population to the total population in labour force, expressed in %.

2) The remaining indicators are expressed in year-on-year percentage change


Sales Value of Wholesale & Retail Trade

4.4%
May 2025



Volume Index of Wholesale & Retail Trade

4.1%
May 2025



Exports

-3.5%
June 2025




Imports

1.2%
June 2025



Consumer Price Index (CPI)

1.1%
June 2025



Producer Price Index (PPI) Local Production

-4.2%
June 2025

